



# YAYASAN INFAQ ANGKASA

NI'MAT BERKAT, REZEKI BERGANDA"



## LAPORAN AKTIVITI 2025

### PENGENALAN

Yayasan Infaq ANGKASA diasaskan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan didaftarkan secara rasmi di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] pada 9 Julai 2021 dengan nombor pendaftaran PPAB-22/2021.

Sebelum ini, YIA dikenali sebagai Skim Infaq Lil-Waqf ANGKASA yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA.

Penubuhannya bertujuan membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi, kesihatan dan pendidikan golongan memerlukan di Malaysia melalui pengagihan sumbangan yang teratur dan sistematik.

### VISI

Menjadi sebuah Institusi Pengurusan Infaq untuk memperkukuhkan kebajikan dan sosio ekonomi masyarakat umum.

### MISI

- Mengumpul dana daripada pelbagai pihak dan inisiatif bagi menjadi sebuah yayasan yang lengkap dan bersepadu untuk menerajui program pembangunan ummah yang menyeluruh di Malaysia
- Mengagihkan dana untuk tujuan kebajikan dan pembangunan sosio ekonomi dan mengadakan program-program berlandaskan Maqasid Syariah

### OBJEKTIF

- Membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan kesihatan masyarakat di Malaysia melalui pengagihan sumbangan secara teratur dan sistematik.
- Meningkatkan taraf pendidikan akademik pelajar-pelajar di semua peringkat pendidikan di dalam mahupun luar negara melalui bantuan pendidikan bagi meringankan beban dari segi kewangan, peralatan dan kemudahan pembelajaran.



AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### PRINSIP UTAMA

5 Prinsip Maqasid Syariah dalam tadbir urus bagi memastikan prinsip ini memberi manfaat kepada manusia, melindungi kepentingan mereka, dan memelihara keharmonian hidup.

- 1 MENJAGA AGAMA (HIFZ AL-DIN)
- 2 MENJAGA NYAWA (HIFZ AL-NAFS)
- 3 MENJAGA AKAL (HIFZ AL-AQL)
- 4 MENJAGA KETURUNAN (HIFZ AL-NASL)
- 5 MENJAGA HARTA (HIFZ AL-MAL)

### SALURKAN INFAQ MELALUI



### HUBUNGI KAMI

📍 C-404 & C-405, Aras 3 Block C, Glomac Business Centre, Jalan SS6/1 Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
☎ 03-7886 2972 | 019- 215 4270  
✉ yayasaninfaq.angkasa@gmail.com  
🌐 www.yayasaninfaqangkasa.com

### IKUTI KAMI



@YayasanInfaqAngkasa

## KUTIPAN & AGIHAN

### JUMLAH KUTIPAN & KEPEROLEHAN


RM1,869,929.37

### JUMLAH AGIHAN & PERBELANJAAN

RM1,322,820.34

\*Jumlah kutipan dana diperoleh daripada potongan gaji bulanan kakitangan ANGKASA, pelanggan BPA, Koperasi, individu dan lain lain.

## PECAHAN AGIHAN



## PROJEK INFAQ



1

### CHARITY PARKING

Lima (5) buah sekolah baharu telah menerima manfaat projek ini menjadikan jumlah keseluruhan adalah 17 buah sekolah sejak projek ini diperkenalkan pada tahun 2020.

2

### QURBAN KASIH

Sebanyak RM24,889.61 diperoleh hasil kutipan infaq yang telah membantu 29 orang asnaf melaksanakan ibadah korban melibatkan empat (4) ekor lembu dan dua (2) ekor kambing.

3

### LAWATAN KERJA

Sebanyak 13 lawatan kerja melibatkan pelbagai pihak termasuk badan berkanun, Majlis Agama Islam Negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat swasta

4

### INFAQ ILMU

Infaq Ilmu ialah platform perkongsian ilmu sebagai satu bentuk infaq. Pada tahun 2025, lima (5) program telah berjaya dilaksanakan, bermula dengan tajuk "Budaya Kerja, Prestasi Tinggi".

5

### PROJEK KERJASAMA

Kerjasama bagi penganjuran World Zakat and Waqf Forum (WZWF) Ke-14 pada 13-15 Oktober 2025 di HECC, Kuching, Sarawak.

6

### BANGUNAN WAKAF

Sebanyak 8 buah bangunan dibeli dan di wakafkan dengan YIA bertindak sebagai Nazir Khas bagi mengurus dan memastikan kelestarian manfaat kepada pelbagai sektor.